

FAQs:

- 1. Bolehkah saya memohon secara manual?**

Tidak boleh. Permohonan adalah secara *online* sahaja.
- 2. Apakah kursus-kursus yang ditawarkan oleh MARA?**

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh MARA adalah kursus-kursus yang berkaitan dengan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan kursus-kursus kritikal yang dikenalpasti oleh MARA dari semasa ke semasa.
- 3. Bolehkah saya memohon sekiranya kursus yang saya pilih tidak tersenarai dalam senarai MARA?**

Boleh dipertimbangkan sekiranya anda memberi justifikasi yang kukuh untuk menyokong permohonan tersebut. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad adalah di pihak MARA.
- 4. Di manakah boleh saya dapatkan senarai universiti terkemuka pilihan MARA?**

Keutamaan universiti adalah berdasarkan senarai *ranking* 50 tertinggi dalam bidang pengajian yang berkaitan atau *ranking* 50 tertinggi dunia cadangan rujukan: www.timeshighereducation.co.uk , www.arwu.org dan www.topuniversities.com
- 5. Bagaimana jika universiti yang saya pilih tidak tersenarai dalam senarai MARA?**

Boleh dipertimbangkan sekiranya anda memberi justifikasi yang kukuh untuk menyokong permohonan tersebut. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad adalah di pihak MARA.
- 6. Adakah kursus Profesional – Licence (EASA B1, B2 dan lain-lain yang berkaitan) untuk ke luar negara ditaja oleh MARA?**

Tidak. MARA hanya memberi penajaan kursus tersebut di institusi dalam negara sahaja yang berdaftar dengan MARA dan telah diiktiraf oleh Badan Profesional Malaysia. Kursus ini ditawarkan oleh UniKL MIAT. Sila hubungi universiti tersebut di talian 03-87688787 atau www.miat.unikl.edu.my
- 7. Apakah yang dimaksudkan dengan 5 subjek terakhir (*last 5 papers*) bagi kursus ACCA?**

Pelajar lepasan Ijazah Pertama Perakaunan akan secara automatik mempunyai baki 5 kertas Profesional yang perlu diambil untuk mendapatkan sijil ACCA. 5 kertas Profesional tersebut adalah 3 subjek wajib (P1, P2 dan P3) dan 2 subjek pilihan (P4, P5, P6 atau P7).
- 8. Saya telah mendapat tawaran untuk mengikuti pengajian ACCA di Kaplan Financial, UK dan akan mendaftar pada Januari 2014, adakah saya layak memohon?**

Tawaran MARA terbuka kepada sesi akademik mulai Julai 2013 hingga April 2014.
- 9. Adakah saya perlu mengikuti ujian IELTS / TOEFL / SAT sekiranya universiti tidak mensyaratkan ujian tersebut diambil?**

Tidak perlu. Ujian tersebut perlu diambil sekiranya universiti yang dipohon memerlukan anda berbuat demikian.

10. Adakah saya perlu mendapatkan pelepasan /penangguhan kontrak dari majikan terlebih dahulu sebelum memohon?

Tidak perlu. Dokumen tersebut hanya perlu diserahkan selepas anda mendapat tawaran dari MARA.

11. Apa yang akan berlaku sekiranya saya tidak menamatkan pengajian?

Akaun pinjaman anda akan ditamatkan serta merta dan anda perlu membayar balik keseluruhan perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh MARA untuk pengajian tersebut.

12. Adakah saya perlu mendapatkan surat tawaran dari universiti sebelum memohon?

Tidak perlu. Surat tawaran tersebut boleh diserahkan selepas keputusan permohonan diumumkan.

13. Berapa lama tempoh tajaan MARA?

Tempoh tajaan maksima adalah seperti berikut:

Peringkat pengajian	Tempoh pengajian
i. Ijazah Sarjana dan Profesional	1.0 hingga 2.0 tahun
ii. Doktor Falsafah	1.0 hingga 4.0 tahun

14. Adakah MARA memberi kemudahan elaun kepada pelajar yang telah berkeluarga?

MARA hanya menyediakan kemudahan elaun kepada pelajar sahaja. Segala perbelanjaan bagi ahli keluarga yang lain adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.

15. Berapakah jumlah pinjaman yang diberi?

Bergantung kepada kadar yuran pengajian yang ditetapkan oleh universiti beserta elaun-elaun yang ditetapkan oleh MARA.

16. Bila saya perlu bayar balik pinjaman?

Pembayaran balik pinjaman adalah setahun selepas tempoh tajaan tamat.

17. Adakah saya perlu menduduki ujian saringan/temuduga?

Sila layari portal MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui pengumuman tersebut.

18. Bila keputusan permohonan diumumkan?

Permohonan akan diumumkan selewat-lewatnya April 2013. Walau bagaimanapun, sila layari portal MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui pengumuman terkini.

19. Bila permohonan ditutup?

Permohonan akan ditutup pada 14 Mac 2013 jam 5 petang.